

# Penampilan sopan, rapi cerminan warga beradab

**Rashdan Rafi,**  
Rahang, Negeri  
Sembilan

**Isu** kehadiran orang awam ke fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) bukan sekadar soal mendapatkan rawatan, tetapi turut mencerminkan tahap kesedaran sivik, adab dan tanggungjawab sosial masyarakat.

Mutakhir ini, semakin ketara segelintir pesakit atau ahli keluarga hadir ke klinik atau hospital dengan penampilan tidak sopan, kusut malah ada yang langsung tidak menjaga kebersihan diri.

Memang tidak dinafikan tujuan utama ke fasiliti kesihatan adalah untuk mendapatkan rawatan, termasuk rawatan susulan. Namun, alasan itu tidak seharusnya dijadikan tiket mengabaikan aspek kesopanan dan kesusilaan apabila berada di tempat awam.

Hadir untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dengan berseluar pendek yang tidak sesuai, pakaian mencolok mata atau penampilan seperti baru bangun tidur tanpa sebarang usaha merapikan diri, jelas tidak mencerminkan adab segelintir rakyat Malaysia ketika berada di premis kerajaan seperti KKM.

Lebih membimbangkan, terdapat individu yang hadir dalam keadaan kurang bersih sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada pesakit lain. Perkara ini bukan sekadar menyentuh soal penampilan, tetapi turut berkait rapat dengan aspek kebersihan dan kesihatan di tempat awam.

Fasiliti KKM misalnya adalah ruang bersama menempatkan pelbagai kategori pesakit, termasuk golongan berisiko tinggi. Justeru, menjaga kebersihan diri sebelum hadir mendapatkan rawatan adalah satu tanggungjawab moral yang tidak boleh dipandang ringan.

Pada masa sama, kita harus menghormati pesakit lain yang hadir dalam keadaan bersih, kemas

dan mematuhi etika berpakaian. Sikap sambil lewa segelintir pihak mengabaikan aspek merapikan diri boleh menjejaskan keselesaan serta imej keseluruhan fasiliti kesihatan awam.

## **Patuhi garis panduan kod etika berpakaian**

Perlu diingat, setiap premis kerajaan, termasuk klinik dan hospital mempunyai garis panduan atau kod pakaian tertentu. Walaupun mungkin tidak dikuat kuasa secara ketat di semua tempat, ia wajar dipatuhi sebagai tanda hormat institusi awam dan masyarakat sekeliling.

Sehubungan itu, masyarakat diseru supaya lebih peka dan bertanggungjawab dalam hal ini. Datang ke fasiliti kesihatan dengan penampilan sopan, bersih dan rapi.

Ya bukan sahaja mencerminkan keperibadian individu malah menunjukkan rasa hormat terhadap orang lain dan institusi memberi perkhidmatan kepada kita.

Rakyat usah bersikap remeh terhadap penampilan dan kebersihan diri walaupun sedang sakit. Sebaliknya, dalam keadaan itulah nilai kesopanan dan tanggungjawab perlu lebih dititikberatkan.



*Penampilan yang kemas dan sopan seiring kod etika berpakaian di premis KKM amat dituntut demi keselesaan bersama.*

(Foto hiasan)

